

03 SEP 2003

OIC-Kazakhstan (Bergambar)/I

MALAYSIA BOLEH MAIN PERANAN BESAR SEBAGAI PENERUS OIC, KAZAKHSTAN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Malaysia boleh memainkan peranan besar dalam mengetuai 57 anggota Pertubuhan Persidangan Islam menjadi satu badan yang berkesan, dihormati dan tersusun, kata Duta Kazakhstan ke Malaysia Ikram Adyrbekov.

Sambil menyatakan Malaysia merupakan sebuah negara yang berada dalam kes tertentu, pada dunia pembangunan dalam erti kata penguasaan teknologi informasi dan komunikasi tinggi, beliau percaya negara ini boleh mempengaruhi dengan berkesan anggota negara lain dan berkhidmat sebagai contoh tindakan.

"Kepimpinan negara ini mempunyai pandangan jauh mengenai pembangunan dunia kini, suara-suara bagi pengamalan nilai Islam sebenar dan menolak semua jenis ekstremism agama sekeras-kerasnya.

"Dalam beberapa mesyuarat OIC, Malaysia sentiasa menekankan keperluan negara anggota kepada kesempurnaan dan terus meningkatkan pengetahuan dalam bidang berlainan bukan dalam teologi sahaja," beliau memberitahu Bernama pada satu temubual sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 yang akan diadakan di Putrajaya bulan depan.

Republik Asia Tengah itu menyertai OIC pada 1995 dan telah menyertai secara aktif dalam aktiviti-aktiviti termasuk menjadi tuan rumah mesyuarat Bank Pembangunan Islam (IDB) yang baru berakhir di Almaty.

Adyrbekov berkata beliau berharap, dengan agenda dan inisiatif yang konkrit, Malaysia akan dapat menangani cabaran semasa OIC -- perselisihan di kalangan negara anggota.

Malaysia akan mengambilalih daripada Qatar sebagai penerus OIC dalam masa tiga tahun akan datang apabila negara ini akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu dari 11 hingga 18 Okt.

Adyrbekov berkata sidang kemuncak OIC akan datang merupakan acara penting kerana ia pertama kali diadakan selepas serangan pengganas 11 Sept terhadap Amerika Syarikat yang telah merubah keseluruhan situasi dunia

" Kita boleh menjangka sidang kemuncak itu akan menumpukan perhatian terhadap situasi di Timur Tengah dan menegaskan keperluan memulihara imej Islam yang positif dalam suasana kempen anti-keganasan di seluruh dunia," kata beliau.

Yang penting sekali ialah mencari jalan, apa yang boleh dibuat untuk menjadikan OIC sebuah organisasi berkesan dan mengekalkan dialog keamanan antara Islam dan Barat, kata beliau.

Ditanya bagaimanakah Barat boleh memahami Islam dengan baik selepas serangan 11 Sept, beliau berkata, dialog terbuka dan tidak berat sebelah mestilah diadakan untuk memahami antara satu sama lain.

"Agama merupakan aspek yang sangat sensitif dan banyak kali penyebab kepada konflik. Agama pada hari ini mestilah menjadi alat untuk menyediakan penyatuan dan persahabatan," kata beliau.

Kazakhstan akan menganjurkan Perhimpunan Agama Antarabangsa dari 23 hingga 24 Sept di Astana bertujuan membincangkan potensi agama menyumbang kepada keamanan dunia.

Beliau bersetuju dengan seruan Malaysia kepada masyarakat antarabangsa untuk menangani punca keganasan dalam usaha mereka mengatasi gejala ini.

"Dengan menangkap dan menghapuskan pengganas, seseorang tidak akan mencapai hasil yang munasabah. Cara terbaik menangani keganasan ialah menyelesaikan punca gejala ini.

"Dan keganasan tidak merujuk kepada orang Islam khususnya. Ia boleh

berlaku di mana-mana, di mana rakyat menghadapi kesusahan kemasyarakatan dan hidup dalam keadaan kemiskinan," kata beliau.

Mengenai tema sidang kemuncak itu "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah", Adyrbekov berkata pengetahuan dan akhlak asas merupakan sesuatu yang penting dalam keperluan masyarakat Islam.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Mahathir Mohamad mempunyai pandangan yang tepat dalam memberikan amaran kepada orang Islam tidak menghadkan diri mereka dengan pengajian Islam.

"Lagi pun, terdapat kumpulan yang bukan hanya menyalahafsirkan pengajaran agama Islam tetapi menyebarkan sikap negatif kepada pengetahuan modern tidak berasaskan agama," kata beliau.

(Untuk berita-berita mengenai sidang kemuncak OIC Putrajaya, sila layari juga www.bernama.com/oicsummit).

-- BERNAMA

AZZ AZZ BK